

ABX8459
INVC.....

PEMIKIRAN ZA'BA
TENTANG KEMAJUAN MELAYU

Oleh

Adnan Haji Nawang

Disertasi ini diajukan untuk memenuhi
syarat dan keperluan Ijazah Doktor Falsafah
Jabatan Sejarah
Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

1995

PERPUSTAKAAN UM



A505329399

ABSTRAK

Kajian ini adalah mengenai pemikiran Za'ba dalam hubungannya dengan perkembangan serta perubahan sosial, ekonomi dan politik Tanah Melayu di zamannya. Zainal Abidin Bin Ahmad (1895-1973), yang lebih dikenali umum sebagai Pendeta Za'ba dilahirkan di daerah pendalaman di Negeri Sembilan. Beliau mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu serta pendidikan asas Islam semasa membesar di kampungnya. Kemudiannya beliau melanjutkan pelajaran hingga lulus Senior Cambridge di Seremban.

Dengan berbekalkan sijil persekolahan itu, Za'ba diterima memasuki perkhidmatan pendidikan kolonial sebagai seorang guru. Walaupun begitu, beliau hanya menjadi guru selama tujuh tahun (1916-1923) sahaja kerana pemikirannya dianggap progresif oleh pihak berkuasa. Pemikiran itu ditakuti akan mempengaruhi pelajar-pelajarnya di dalam bilik darjah. Dari 1923 hingga empat tahun (1947) sebelum bersara, Za'ba adalah Pengarang dan Penterjemah Melayu. Tugas utamanya ialah untuk menerbitkan buku teks dan buku bacaan umum untuk sekolah Melayu. Hanya pada 1947 barulah beliau kembali menjadi guru, iaitu sebagai Pensyarah di School of Oriental and African Studies, London. Beliau bersara secara rasmi pada 1951, tetapi berkhidmat semula sebagai Pensyarah Kanan dan Ketua Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Singapura selama enam tahun (1953-1958).

Za'ba adalah seorang penulis berbakat, sama ada dalam bahasa ibundanya ataupun dalam bahasa Inggeris. Kebolehan ini digunakan sepenuhnya sebaik saja beliau memasuki perkhidmatan pendidikan kolonial (1916). Kegiatan ini berakhir hampir lima puluh tahun kemudiannya (1964).

Dengan itu ratusan rencana Za'ba tersiar dalam akhbar, majalah dan jurnal akademik. Di samping itu Za'ba turut menerbitkan buku-buku, terutama sekali mengenai ilmu bahasa. Pemikiran progresifnya mengenai berbagai aspek seperti Islam, pendidikan, bahasa Melayu, ekonomi dan politik orang Melayu

dan Muslim telah memenuhi lembaran akhbar, majalah (termasuk juga di luar negara) serta jurnal akademik dan buku-bukunya.

Za'ba adalah seorang pendokong ajaran reformis Islam Kaum Muda. Keterlibatannya dalam aliran tersebut telah memberi nafas baru kepada perjuangan Kaum Muda yang diasaskan oleh Syed Sheikh Al-Hadi dan Sheikh Tahir Jalaluddin sejak awal kurun ke-20 lagi. Za'ba berpendidikan Inggeris. Penglibatan beliau serta beberapa sahabat karibnya yang sama pendidikan mereka telah memberi kekuatan tambahan kepada gerakan tersebut. Dengan itu, arus aliran pemikiran Kaum Muda di Tanah Melayu tidak lagi bersumberkan Timur Tengah sahaja, tetapi turut mendapat inspirasi dari India dan London juga.

Ini menjadikan gerakan yang disertai oleh Za'ba itu berupa suatu cabaran yang sangat ditakuti bukan saja oleh pihak kolonial British, tetapi golongan ulama konservatif serta pembesar dan raja-raja Melayu. Sungguhpun Za'ba diancam dan ditindas secara pentadbiran oleh pihak berkuasa kolonial, tetapi ketabahan hati, keyakinan diri serta keazamannya untuk melihat bangsanya mencapai kemajuan sebagai salah satu bangsa manusia yang maju di dunia dan diberkati Allah di akhirat tetap diperjuangkannya.

KANDUNGAN

	Halaman
SINGKATAN	iii
PENGHARGAAN	iv
PENDAHULUAN	vi
BAB	
I BIOGRAFI RINGKAS	1
Sebagai Guru	13
Sebagai Penterjemah dan Pengarang	32
Sebagai Pensyarah Universiti	49
Akhir Hayatnya	57
II ZA'BA DAN AJARAN REFORMIS ISLAM KAUM MUDA	61
Iktikad Agama	92
Ijtihad dan Taklid	99
III PENDIDIKAN: KONSEP DAN PERKEMBANGAN	103
IV BAHASA MELAYU: PEMBINAAN DAN KEMAJUAN	135
V EKONOMI: KEMISKINAN DAN PEMBELAAN	176
VI POLITIK, GAGASAN DAN PERJUANGAN	207
Sikap Anti-Pembesar dan Raja-raja Melayu	209
Sikap Anti-Kolonial British	218
Perjuangan Pembebasan	228

VII	ZA'BA DALAM ARUS PERKEMBANGAN PEMIKIRAN TENTANG KEMAJUAN MELAYU	..	..	245
	Mukadimah	..	..	245
	Abdullah Munsyi dan Al-Imam	..	..	247
	Pengaruh British	..	..	253
	Abdul Majid Zainuddin	..	..	259
	Golongan Literatur dan Wartawan	..	..	277
	Golongan Politikus	..	..	293
	Rumusan	..	..	303
BIBLIOGRAFI	..	..	..	307

SINGKATAN

AN	-	Arkib Negara
DBP	-	Dewan Bahasa dan Pustaka
FMS & SS	-	Federated Malay States and Straits Settlements
JMBRAS	-	Journal of Malayan Branch Royal Asiatic Society
JSBRAS	-	Journal of Straits Branch Royal Asiatic Society
JSEAH	-	Journal of Southeast Asian History
JSEAH	-	Journal of Southeast Asian Studies
MBRAS	-	Malaysian Branch Royal Asiatic Society
MCKK	-	Malay College Kuala Kangsar
MBPI	-	Malayan Bulletin of Political Intelligence
NNMB & NNS	-	Negeri-negeri Melayu Bersekutu & Negeri-negeri Selat
PAS	-	Parti Islam Se-Tanah Melayu
PPZ	-	Perpustakaan Peringatan Za'ba
SITC	-	Sultan Idris Training College
UM	-	Universiti Malaya
UMNO	-	United Malays National Organisation

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Illahi. Dengan izin dan perkenanNya kajian yang rumit ini, akhirnya dapat disiapkan.

Penghargaan dan ucapan setinggi-tinggi terima kasih ingin saya rakamkan untuk Yang Berbahagia Profesor Dato' Khoo Kay Kim kerana simpati, galakan, kesabaran dan bimbingan ikhlas yang diberikan di sepanjang kajian ini dijalankan. Kepemimpinan akademiknya amat saya hargai.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih di atas pertolongan dan kerjasama yang diberikan kepada saya oleh para pengawai dan kakitangan beberapa institusi penyelidikan berkaitan. Di antaranya ialah, Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur; Perpustakaan Peringatan Za'ba di Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Kuala Lumpur; Perpustakaan Institute of Southeast Asian Studies, Singapura; Perpustakaan Universiti Nasional Singapura dan; Brynmor Jones Library, University of Hull, United Kingdom.

Terima kasih ditujukan juga kepada teman-teman akademik yang memberi simpati, galakan dan sokongan kepada saya semasa kerja-kerja penyelidikan dan penulisan dilakukan. Kepada Sdr. Jatswan Singh, Dr. Ranjit Singh, Sdr. Mahadzir, Sdr. Abdullah Azmi Khalid, Dr. Abdullah Zakaria Ghazali, Sdr. Muhamed Abu Bakar, Sdr. Redzuan Othman, Dr. Ramlah Adam dan Profesor Dato Muhammad Yusoff Hashim di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya diucapkan terima kasih. Begitu jugalah kepada Sdr. Rahimi Affendi Abdul Rahman dan Sdr. Wan Zailan Kamaruddin Ali dari Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya dan ramai rakan lain di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Penghargaan juga saya sampaikan untuk Pauline Lee kerana menaip dengan tabah hasil kajian ini.

Penghargaan dirakamkan juga untuk ibu serta isteri dan anak-anak (Aziah, Mohd. Azrul, Aziyati, Mohd. Afzal dan Mohd. Ansari) yang dikasihi

kerana sentiasa memahami dan memberi inspirasi dalam menghadapi hidup ini.

Semoga Allah memberi rahmatNya kepada mereka semua.

Adnan Haji Nawang
Jabatan Sejarah
Universiti Malaya
1995

PENDAHULUAN

Pada 29 April 1971, Za'ba telah ditemui oleh wartawan Utusan Melayu untuk mendapat ulasan beliau sempena dengan Perayaan Jubli Perak Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO). Ini adalah kerana Za'ba dianggap sebagai "Pendeta bahasa Melayu yang terkenal" dan "pengasas UMNO". Apabila Za'ba mengimbau kembali peristiwa dua puluh lima tahun (1946) yang lalu itu, beliau berkata:

Saya telah diminta memimpin orang-orang Melayu yang ketika itu tidak ada pemimpin, saya menerima permintaan itu.

Dengan semangat saya ingin menentang Malayan Union dan tidak ada orang memimpin orang-orang Melayu, tanpa sebarang bantahan saya¹ terus berikhtiar menegakkan politik orang Melayu!!

Pendapat tersebut diberikan oleh Za'ba kira-kira setahun lima bulan dan dua puluh empat hari sebelum beliau meninggal dunia (23.10.1973).

Zainal Abidin Bin Ahmad (1895-1973) lebih dikenali dengan nama penanya. Akhbar tempatan menggunakan nama pena tersebut apabila merujuk kepada beliau. Malah beliau sendiri suka menggunakan nama pena itu sejak 1917 lagi. Ini menjadikan nama pena itu sebatih dengan dirinya. Sejak dianugerahi gelaran Pendeta (1956), rujukan akhbar tempatan kepadanya mencakupi pula gelaran tersebut. Ini menjadikan beliau dikenali umum dengan Pendeta Za'ba, walaupun setelah dianugerahkan bintang kebesaran negara

1. Lihat Utusan Melayu, 30.4.1971.

dengan gelaran Tan Sri sejak 1962.

Za'ba diiktiraf umum sebagai seorang Pendeta Melayu. Tetapi, erti pendeta seperti dimaksudkan oleh wartawan Utusan Melayu, iaitu sebagai "pendeta bahasa Melayu", telah menjadi popular. Sebuah akhbar lain pernah merakamkan maksud yang sama apabila ia merujuk kepada sumbangan terbesar Za'ba untuk orang Melayu, iaitu "the Malays regard him as the greatest champion of their language".³

Pengertian sedemikian mempunyai asas-asasnya sendiri. Ini adalah kerana, selain mendapat gelaran seperti dibincangkan di atas, Za'ba juga dianugerahi ijazah kehormat oleh dua universiti tempatan, iaitu Universiti⁴ Malaya (1959) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (1973).⁵ Penganugerahan tersebut adalah berdasarkan keserjanaan Za'ba dalam bidang pengajian Melayu, khususnya dalam membina dan memajukan bahasa Melayu. Ini menjadikan Za'ba lebih dikenali sebagai tokoh atau sarjana bahasa. Inilah imej popular Za'ba. Masyarakat umum tidak mungkin dapat memahami teras yang mendasari pemikiran Za'ba. Begitu juga dengan pemikiran Za'ba di dalam aspek-aspek selain bahasa Melayu.

Sungguhpun begitu, kepada individu-individu yang benar-benar memahami pemikiran Za'ba, penialaian mereka adalah berdasarkan kepada perspektif -----

2. Bintang kebesaran itu ialah Panglima Mangku Negara (lihat surat Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Bil. P.M. 11486/6/A kepada Za'ba, 12.5.1962 dan surat jawapan penerimaan Za'ba kepada alamat yang sama, 16.5.1962). Di kalangan bekas pelajar atau mahasiswanya, beliau dikenali sebagai Pak Za'ba, lihat Adibah Amin, "Za'ba I knew", The Straits Times, 25.10.1973.
3. A staff writer, "Za'ba: The Man Behind the Legend", The Straits Times, 5.1.1973.
4. Upacara ini diadakan pada 12.9.1959 di Universiti Malaya Singapura. Lihat University of Malaya Gazette, Vol. 2, No. 1, October 1959.
5. Lihat surat Abdul Rahim Bin Jalal, Pejabat Pendaftar, Universiti Kebangsaan Malaysia, Jalan Pantai, Kuala Lumpur kepada Za'ba, 24.4.1973 (upacara ini diadakan pada 23.6.1973, tetapi Za'ba tidak menhadirinya kerana uzur).

yang lebih luas. Ini dapat dilihat dari tiga pendapat. Pertama, oleh Najib Rahman. Beliau mengatakan:

The Grand Old Man of Malay Letters played a major role in moulding the language into an efficient and modern one and is also celebrated for his progressive writings on education,
6
economy, religion, culture and philosophy.

Kedua, ialah pendapat Syed Muhammad Naguib Al-Attas. Menurutnyanya:

Ketahuilah bahawa lama sebelum pakar-pakar ekonomi muncul melaungkan peri kemiskinan Melayu, lama sebelum golongan-golongan sosialis memukul gendang anti-feudalisme [sic], Zainal Abidin bin Ahmad yang bukan pakar ekonomi atau sosialis, telah dengan beraninya mengulas, membidas dan melaberak punca-punca
7
dan akar umbi masalah ini.

Ketiga, ialah pendapat Hamka. Antara lain beliau mengatakan:

Di Malaysia beruntunlah Perkembangan Bahasa Melayu modern dengan timbulnya Pendita ZA'BA (1895-1973). Pendidikan agamanya yang mendalam sejak waktu kecilnya, bimbingan pengetahuan Islam dan bahasa Arab dari guru-guru yang ahli, diantaranya [sic] Syaikh Mohammad Thaber [sic] Jalaluddin, ditambah lagi dengan pelajarannya yang tinggi dalam bahasa Inggeris, menyebabkan sebagai seorang Muslim sejati dia dapat menghadapi kehidupan modern yang telah diselubungi oleh penjajahan Barat. Dia telah banyak berjasa menjaga bahasa Melayu agar jangan terlepas kaitannya dengan Roh dan jiwa Islam dan diapun seorang Islam yang berhaluan Kaum Muda dan berfaham menurut ajaran Jamaluddin Al-Afghani dan Mohammad Abduh.

ZA'BA adalah derma termahal yang diberikan oleh Islam ke dalam Kesusasteraan Melayu Modern. ZA'BA adalah laksana jambatan [sic]

-
6. Lihat Najib Rahman, "Grand Old Man of Malay Letters Dies", The Straits Times, 24.10.1973.
 7. Lihat Syed Muhammad Naguib Al-Attas, "Pendita Za'ba: Suatu Penghormatan", Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Esei-esai Penghormatan Kepada Pendita Za'ba, Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia, 1976, hlm. 9 (ini adalah petikan dari Pidato Umum yang dibacanya dalam majlis pengurniaan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia di bangunan Parlimen Malaysia pada 23.6.1973).

yang menghubungkan diantara [sic] perbendaharaan Melayu Lama
8
dengan Perkembangan bahasa yang modern.

Usaha untuk memperkenalkan Za'ba kepada masyarakat umum menurut
perspektif yang luas itu telah dilakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada
9
1974. Ini diusahakan oleh dua penulis institusi tersebut. Sungguhpun buku
10
itu memberi tumpuan utama kepada riwayat hidup Za'ba, tetapi terdapat juga
perbincangan mengenai pemikiran Za'ba. Selain itu dilampirkan beberapa
tulisan Za'ba sejak awal 1920-an hingga 1941 untuk menyokong pendapat
11
mereka.

Pemikiran Za'ba yang terkandung di dalamnya sudah memadai untuk
membolehkan seorang pengkaji yang serius mendapat gambaran awal tentang
aspek-aspek yang diperjuangkan oleh beliau di sepanjang hayatnya. Tetapi,
dalam ulasan kepada buku di atas, Ali Haji Ahmad telah mengkritik penulis
buku tersebut kerana telah membuat rujukan isi secara terperinci mengenai
12
beberapa pemikiran Za'ba. Menurutnya, nukilan tersebut "terasa seolah-

-
8. Lihat Haji Abdul Karim Amrullah (Hamka), "Pengaruh Islam Dalam Sastera Melayu", Islam dan Kebudayaan Melayu, (mengandungi Kertas kerja Seminar Kebudayaan 25-28 Julai 1976), Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia, 1977, hlm. 178.
 9. Lihat Abdullah Hussain dan Khalid Hussain, Pendita Za'ba Dalam Kenangan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974.
 10. Ibid., hlm. 16-184.
 11. Ini termasuklah pemikiran Za'ba yang menyentuh berbagai masalah yang dihadapi oleh orang Melayu, khususnya berhubung dengan kemiskinan mereka seperti yang tersiar dalam The Malay Mail (1923) dan Al-Ikhwan (1927). Untuk keterangan lanjut, lihat *ibid.*, hlm. 185-239.
 12. Kritikan beliau adalah kerana kedua penulis buku tersebut, di dalam perbincangan mereka mengenai "Kedudukan Za'ba Dalam Masyarakat Melayu" (Abdullah Hussain dan Khalid Hussain, Pendita Za'ba, hlm. 1-15), telah memberikan perhatian yang lebih kepada pemikiran Za'ba dalam aspek lain (sebanyak tujuh halaman) daripada aspek bahasa, sedangkan Za'ba dipercayai oleh Ali Haji Ahmad sebagai tokoh bahasa dan sastera Melayu sahaja. Lihat Ali Ahmad, "Pendita Za'ba Dalam Kenangan", Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, hlm. 384.

olah karya-karya [Za'ba] yang paling bererti jika dibandingkan dengan hasil-hasil berupa bahasa dan sastera yang untuknya diberikan cuma tiga halaman saja". Untuk kesimpulannya, beliau berkata, "walhal Za'ba pada pokoknya bukan seorang ahli fikir dan komentar sosial tetapi adalah sebagai ahli bahasa".¹³

Sungguhpun begitu, di peringkat awal ulasannya, Ali Haji Ahmad mengatakan bahawa sebelum Za'ba terlibat dalam bidang bahasa dan sastera Melayu, Za'ba "telah terlebih dahulu menjadi pemerhati yang tajam mengenai masyarakatnya".¹⁴ Ini adalah satu kontradiksi yang jelas bukan saja di dalam penilaiannya terhadap buku tersebut, tetapi dengan pendapat awalnya serta juga dengan realiti pemikiran Za'ba seperti dapat dilihat dalam kajian ini seterusnya.

Hamdan Hassan pula telah membuat penilaian yang agak mendalam tentang pengaruh ajaran gerakan reformis Islam aliran India di Tanah Melayu. Beliau telah turut membincangkan juga peranan Za'ba dalam gerakan tersebut. Za'ba¹⁵ dianggapnya sebagai "tokoh yang terpenting" dalam gerakan itu.

Tetapi di dalam penilaiannya mengenai pemikiran politik Za'ba, beliau mengatakan bahawa, kesan pengaruh dari India itu telah menjadikan Za'ba "ucapkali pula ... memuji secara berlebihan terhadap orang Inggeris". Di samping itu, diterangkan bahawa penglibatan Za'ba dalam menuliskan rencana¹⁶ "mengenai politik adalah barangkali akibat dari pengaruh ajaran gurunya", Sheikh Tahir Jalaluddin. Kesimpulan beliau tentang pemikiran politik Za'ba ialah:

13. Ibid.

14. Ibid.

15. Lihat Hamdan Hassan, "Pengaruh Pemikiran Pembaharuan Islam Dari India", Mohd. Taib Osman & Hamdan Hassan (eds.), Bingkisan Kenangan Untuk Pendita, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1978, hlm. 167.

16. Ibid., hlm. 168.

[K]onsepsi politik Za'ba adalah konsepsi politik kebangsaan Melayu dan bangsa yang diperjuangkannya adalah bangsa Melayu di kawasan Semenanjung Malaya. Cita-cita ini sangat berlainan dengan gurunya dan juga kaum muda [sic] aliran Mesir lainnya, yang konsep politiknya meliputi wilayah Malaya, Suamtra, Borneo

17

dan Jawa.

Anehnya, Hamdan Hassan (1978) telah memperkatakan tentang pengaruh gerakan reformis Islam dari India di Tanah Melayu secara panjang lebar, tetapi gagal menanggapi konsepsi politik golongan itu dan juga Za'ba. Sementara pendapatnya tentang konsepsi politik kebangsaan Za'ba pula adalah tidak tepat kerana Za'ba mempunyai pemikiran politik yang lebih luas dan progresif dari itu. Perbincangan tentang beberapa pemikiran Za'ba dalam aspek-aspek tersebut dapat dilihat dalam Bab II dan Bab VI kajian ini.

Keanekaan tersebut menjadi semakin ketara, kerana Hamdan Hassan juga terlibat secara langsung di dalam penerbitan dua tulisan Za'ba pada 1980 dan 1984. Tetapi persepsi awalnya terhadap konsep politik kebangsaan Za'ba bukan saja tidak berubah, malah diulanginya lagi, seolah-olah sudah menjadi suatu fakta sejarah.

17. Ibid., hlm. 168-169.

18. Ini dibincangkannya dalam 22 halaman. Lihat Ibid., hlm. 153-175.

19. Ini adalah koleksi tulisan Za'ba yang tersiar dalam Al-Ikhwan (Pulau Pinang) pada akhir 1920-an dan diterbitkan dalam bentuk buku pada 1932 (Jawi). Buku ini diterbitkan semula dengan disunting oleh beliau. Lihat Hamdan Hassan (ed.), Falsafah Takdir Oleh Za'ba, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980 (140 halaman).

20. Ini adalah jilid kedua yang sepatutnya diterbitkan pada pertengahan 1930-an, tetapi gagal (lihat Bab I). Lihat Pendita Za'ba, Perangai bergantung Kepada Diri Sendiri (dengan Pengenalan oleh Hamdan Hassan), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984.

21. Hamdan Hassan (ed.) Falsafah Takdir oleh Za'ba, hlm. 19 (mengulangi pendapatnya tentang konsep kebangsaan Melayu Za'ba).

Kedua-dua sarjana tersebut telah membuat impresi yang tidak berasas terhadap sumbangan pemikiran dan perjuangan hidup Za'ba. Pendapat Ali Haji Ahmad, misalnya, tidak banyak berbeza dengan pendapat seperti yang diungkapkan oleh wartawan Utusan Melayu itu, tetapi wartawan tersebut, sekurang-kurangnya dapat mengenali sumbangan Za'ba yang lain, iaitu sebagai "pengasas UMNO". Manakala Hamdan Hassan pula mungkin tidak mengetahui langsung tentang penglibatan Za'ba dalam proses perkembangan politik Melayu sebelum beliau membuat kesimpulan mengenai pemikiran politik Za'ba itu.

Pada 1982 saya telah membuat satu kajian mengenai Za'ba. Dalam kajian tersebut, tumpuan utama saya ialah kepada biografinya, tetapi terdapat juga²² rujukan khas kepada perjuangannya. Dari satu segi, kajian ini juga tidak banyak berbeza dengan buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka itu. Tetapi saya telah membincangkan pemikiran Za'ba dari berbagai-bagai sudut (sosial, ekonomi dan politik) secara sepintas lalu, dan bukan sekadar melampirkan beberapa tulisan Za'ba seperti dilakukan oleh dua penulis dari institusi tersebut.

Kajian itu amat bermakna sekali kepada saya, terutamanya dari segi memberi pendedahan awal terhadap pemikiran-pemikiran penting Za'ba berhubung dengan berbagai masalah yang dihadapi oleh masyarakat Melayu dan Islam umumnya. Ini telah mendorong saya untuk membuat kajian lanjutan agar sumbangan pemikiran dan perjuangan sebenar Za'ba boleh difahami, bukan berdasarkan pendapat popular, atau salah tanggapan seperti dua sarjana di atas, tetapi berasaskan kepada suatu kajian yang lebih mendalam dan menyeluruh mengenai Za'ba.

22. Lihat Adnan Haji Nawang, "Biografi Za'ba Dengan Rujukan Khas Kepada Perjuangannya", Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, 1982. Kajian ini telah diterbitkan setelah melalui proses penulisan semula. Lihat Adnan Haji Nawang, Za'ba: Patriot dan Pendeta Melayu, Kuala Lumpur: Yayasan Penataran Ilmu, 1994.

Tajuk kajian ini ialah "Pemikiran Za'ba Tentang Kemajuan Melayu". Ini bererti tumpuan kajian adalah terhadap pemikirannya. Perbincangan dimulakan dengan "Biografi Ringkas" seperti terdapat dalam Bab I. Ini adalah untuk membolehkan kita mengetahui riwayat serta pengalaman dan liku-liku hidup yang dilalui oleh Za'ba di sepanjang hayatnya. Tujuan utamanya ialah untuk membantu kita memahami latar belakang di sebalik kelahiran beberapa pemikiran Za'ba seperti akan dibincangkan dalam kajian ini selanjutnya.

Perbincangan mengenai pemikiran Za'ba dilakukan dalam lima bab, iaitu Bab II hingga Bab VI. Sungguhpun begitu, sebelum aspek tersebut dibincangkan dengan lebih lanjut, satu perbincangan khas dilakukan dengan tujuan untuk memahami asas-asas yang mendasari dan mendefinisikan pemikiran Za'ba itu.

Za'ba adalah seorang Islam. Dalam masa yang sama beliau adalah seorang Melayu. Sungguhpun Za'ba mendapat pendidikan Islam secara tradisional di kampungnya, tetapi beliau berpendidikan Inggeris tertinggi (Senior Cambridge) di zamannya. Za'ba berminat membaca dan melakukan kerja-kerja penyelidikan sejak di bangku sekolah lagi. Ini mendedahkannya, bukan sahaja kepada ajaran reformis Islam di Tanah Melayu, tetapi kepada gerakan reformis Islam antarabangsa juga.

Za'ba mempunyai pendirian yang jelas dan tegas mengenai fahamannya itu. Tanpa ragu-ragu, beliau mengisytiharkan dirinya adalah seorang ahli dalam gerakan tersebut. Dengan itu Za'ba telah terlibat secara langsung di dalam perjuangan tersebut. Za'ba adalah satu mata rantai yang menjadi tali penyambung kepada suatu gerakan Islam antarabangsa yang aktif menghadapi kolonialisme dan imperialisme dewasa itu, tetapi tumpuan Za'ba lebih banyak kepada masyarakatnya, iaitu Melayu dan Muslim di Tanah Melayu. Perbincangan mengenai aspek ini dilakukan dalam Bab II. Dengan itu, perbincangan

mengenai pemikiran Za'ba, iaitu dari segi mencari kemajuan untuk orang Melayu dan Muslim umumnya, seperti dalam aspek pendidikan, bahasa Melayu, ekonomi dan politik (Bab III - VI) akan dilihat dari perspektif tersebut.

Di dalam bab terakhir (Bab VII), satu penilaian terhadap pemikiran Za'ba telah dilakukan. Tujuannya adalah untuk melihat sejauhmanakah beberapa pemikiran Za'ba seperti dibincangkan dalam bab-bab sebelum itu, selari atau pun terkesamping akibat dari perkembangan serta perubahan sosial, ekonomi dan politik Tanah Melayu pada 1950-an. Ini dilakukan dengan melihat pemikiran dan perjuangan Za'ba dalam hubungannya dengan arus aliran perkembangan pemikiran tentang kemajuan Melayu dan Muslim seperti terpancar melalui pemikiran beberapa individu sejak Abdullah Munsyi hingga ke zaman Za'ba sendiri.

Diharapkan kajian ini dapat memberi satu gambaran yang lebih munasabah tentang pemikiran dan perjuangan sebenar Za'ba di dalam mencari kemajuan untuk Melayu dan Muslim di sepanjang hayatnya.